

02 FEB 1997

IPF

IPF TIDAK AKAN DIBUBARKAN, KATA PANDITHAN

SEREMBAN, 2 Feb (Bernama) -- Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF) tidak akan dibubarkan semata-mata hanya untuk membolehkannya diterima masuk ke dalam Barisan Nasional (BN), kata Presidennya Senator M.G Pandithan.

Beliau berkata IPF bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) atau MIC untuk kepentingan kaum India di negara ini tanpa perlu ia dibubarkan.

"Kita tidak terdesak untuk menyertai BN sehingga parti perlu dibubarkan kerana selama inipun IPF sering mendapat kerjasama dan sokongan daripada parti komponen BN, khususnya UMNO," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu di sini hari ini.

Pandithan berkata, beliau tidak nampak mengapa IPF perlu dibubarkan kerana sokongan yang diterima oleh parti itu daripada kaum India di negara ini kini semakin bertambah.

"IPF lebih suka jika soal kemasukannya ke dalam BN dipertimbangkan sendiri oleh Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini lebih-lebih lagi selepas IPF menyatakan sokongan kepada BN pada pilihan raya umum 1995 selepas keluar daripada Gagasan Rakyat," katanya.

Katanya, IPF kini mempunyai 1,200 cawangan di seluruh negara dan pucuk pimpinan parti memastikan bahawa penubuhan cawangan baru dibuat di sesuatu tempat hanya setelah mendapat sokongan yang meluas.

Beliau juga berkata pada tahun ini, IPF melalui biro pendidikannya akan menumpukan perhatian kepada usaha meningkatkan tahap pembelajaran para pelajar sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Katanya, soal politik perlu diketepikan demi meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah Tamil yang kini begitu jauh ketinggalan berbanding sekolah-sekolah biasa. -- BERNAMA

RAB AKD